



**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA  
(KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA)**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada **warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh iklan ditutup** bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

- 1. JAWATAN : PERSONEL MySTEP**
- KELAYAKAN : Setaraf Diploma**
- TEMPOH KONTRAK : Mulai Tarikh Lapor Diri hingga 31 Disember 2024**
- PENEMPATAN : Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA Terminal 1 dan KLIA Terminal 2)**
- KADAR UPAH : RM1,900.00 sebulan**  
(Termasuk caruman kepada KWSP dan PERKESO)

**2. SYARAT LANTIKAN**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) i. Lulusan **Diploma** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan **atau mempunyai kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya** (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/Sijil Matrikulasi KPM);

- ii. Berpengetahuan dan berkemahiran menggunakan komputer terutama perisian asas Microsoft Office (Word, Excel, PowerPoint dan lain-lain);
- iii. Mempunyai minat untuk berkomunikasi dengan pelancong-pelancong asing;
- iv. **Calon yang boleh berkomunikasi dalam bahasa asing seperti Bahasa Mandarin, Bahasa Arab dan lain-lain bahasa dengan baik adalah satu kelebihan;**

Maklumat Tambahan :

Bidang kerja di kaunter-kaunter penerangan pelancongan pintu masuk ke Malaysia, melibatkan interaksi dengan pelancong daripada pelbagai negara dalam membantu mendapatkan informasi mengenai destinasi/produk pelancongan di Malaysia.

### 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### 4. ARAHAN DAN CARA MEMOHON

- (a) Permohonan adalah **secara dalam talian** melalui **HR System Management**. Berikut adalah panduan bagi memohon :
  - i. Log in dipautan;  
<https://hr.tourism.gov.my/apps/recruitment/registration>
  - ii. Daftar pengguna > tetapkan kata laluan > aktifkan akaun (**semak e-mel untuk link pengaktifan akaun**) > pilih menu *Public Login*
  - iii. Log masuk > pilih menu *Resume* > lengkapkan *Resume* > muat naik dokumen-dokumen berdasarkan senarai semak yang dikemukakan
  - iv. Pilih jawatan yang ingin dimohon.
- (b) Gambar yang dimuat naik hendaklah menggunakan **gambar berukuran pasport terkini**. **Selain dari gambar pasport tidak dibenarkan.**

- (c) **Bagi pemegang Diploma daripada Institut Pengajian Tinggi Swasta/Luar Negara, perlu memuat naik sesalinan pengiktirafan kelayakan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pemohon boleh melayari laman web <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/>**
- (d) Tarikh tutup permohonan ialah pada **21 Mei 2024 (Selasa)**.

## 5. CATATAN AM

- (a) Calon yang berjaya melepasi tapisan kelayakan akan dimaklumkan **secara rasmi**.
- (b) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh **tiga (3) hingga enam (6) bulan** selepas daripada tarikh iklan ditutup, permohonan tuan/puan adalah dianggap **tidak berjaya**.
- (c) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui e-mel kepada [pelantikan@tourism.gov.my](mailto:pelantikan@tourism.gov.my)

\*\*\*\*\* SEKIAN, TERIMA KASIH \*\*\*\*\*

## SENARAI SEMAK & SERAH DOKUMEN PERMOHONAN JAWATAN

Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut (diakui sah benar oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional) **mengikut susunan:**

BIL	PERKARA	ADA / TIADA	CATATAN
1	Salinan Kad Pengenalan <i>(Hendaklah dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis "KEGUNAAN TOURISM MALAYSIA SAHAJA")</i>		
2	Salinan Sijil Kelahiran		
3	Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)		
4	Salinan Sijil Ujian Lisan BM Peringkat SPM		
5	Salinan Sijil Tamat Persekolahan <b>Menengah</b>		
6	Salinan <b>STPM / STAM / Sijil Matrikulasi KPM / Diploma dan Transkrip Akhir</b> <i>(mana yang berkenaan)</i>		
7	Salinan <b>Pengiktirafan oleh JPA</b> bagi Sijil Khas / Diploma / Ijazah yang diberikan oleh badan <b>pendidikan swasta</b> <i>(sekiranya berkenaan)</i>		
8	Gambar Pasport <b>terkini</b> dimuat naik di Borang Permohonan		
9	Dihadkan lima (5) sijil kegiatan sukan atau ko-kurikulum yang difikirkan terbaik		
10	Sijil Digital Vaksinasi Covid-19		
11	Salinan Kad / Slip Pendaftaran Sementara Orang Kurang Upaya (OKU) <i>(sekiranya berkenaan)</i>		

### **ARAHAN:**

- a) Kesemua dokumen di atas hendaklah dimuat naik ke dalam sistem semasa permohonan dibuat.

Dikemaskini pada 7 April 2023 (Personel MySTEP 2023)